



Ketokohan Sheikh Mustafa Ismail dan Sumbangannya dalam Dunia Tilawah Al-Quran Secara Bertarannum: Kajian terhadap *Uslub Al-Qiraah*

Wan Hilmi Wan Abdullah¹ Mahyudin
Daud²

Abstrak

Penulisan ini mengetengahkan ketokohan dan sumbangan Sheikh Mustafa Ismail dalam dunia tilawah al-Quran secara bertarannum serta uslub al-Qiraah beliau bermula tahun 1934 hingga 1978. Setelah meninggal dunia, terdapat banyak rakaman bacaan beliau yang direkodkan sama ada dalam bentuk bacaan tarannum mahupun murattal oleh individu-individu, syarikat-syarikat rakaman seperti Sawt al- Qahirah dan siaran radio Idhaat al-Quran di Mesir. Menurut sumber, keseluruhan rekod rakaman beliau dalam bentuk bacaan bertarannum dan murattal adalah sebanyak 52,624 jam namun yang ada pada hari ini hanya 300 jam sahaja manakala bakinya didapati telah hilang. Khazanah turath yang ditinggalkan ini memberikan impak yang sangat besar terhadap pembelajaran ilmu Tarannum di mana pencinta ilmu tersebut menjadikannya sebagai rujukan dan panduan terutama dalam kaedah- kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Kajian ini adalah kajian perpustakaan di mana data-data dari sumber primer dan sekunder dikumpulkan untuk dianalisis. Hasil kajian mendapati Sheikh Mustafa Ismail merupakan seorang tokoh qari al-Quran yang terkenal dan berpengaruh dalam dunia tilawah al-Quran di mana beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam ilmu tersebut khususnya dalam kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Alunan dan gubahan beliau yang merdu dan mengasyikkan berjaya mendekatkan manusia kepada al-Quran sehingga bacaannya ditaklid oleh kebanyakan qari-qari al-Quran seluruh dunia.

Kata kunci: Ketokohan, Sumbangan, Sheikh Mustafa Ismail, Uslub al- Qiraah

¹ Wan Hilmi Wan Abdullah, calon Ph.D di Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

² Mahyudin Daud (PhD), Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan

Abstract

This writing highlights the hallmarks and contributions of Sheikh Mustafa Ismail in the world of Quran recitation by tarannum skill as his al-Qiraah uslub from 1934 to 1978. After his death, there were many recordings of his reading recorded either in the form of tarannum or murattal reading by individuals, record companies such as Sout al-Qahirah and the Idhaat al-Quran radio broadcast in Egypt. According to sources, his entire record of recordings in the tarannum skill and murattal skill are 52,624 hours but only today are 300 hours while the balance is lost. This abandoned turath treasure has had a tremendous impact on the learning of Tarannum knowledge in which the lover of this skill has made it a reference and guide especially in tarannum rules and sound techniques. This study is a library study where data from primary and secondary sources are collected for analysis. The findings show that Sheikh Mustafa Ismail was a well known and influential qari al-Quran character in the world of Quran recitation where he has contributed greatly to the knowledge, especially in tarannum rules and sound techniques. His charming and composition brought people closer to the Quran up his reading was followed by most of the Quranic reciter's of the whole world.

Keywords: Characteristic, contribution, Sheikh Mustafa Isma'il, Uslub al-Qiraah

PENGENALAN

Bidang tilawah al-Quran secara bertarannum adalah salah satu cabang ilmu dalam Islam dan sangat berkait rapat dengan anugerah Allah SWT kepada seseorang. Pengajian ilmu ini sangat terikat dengan *talaqqī* dan *mushāfahah* daripada guru-guru yang benar-benar menguasainya. Pewarisanya pula adalah secara *samā'ī* memandangkan alat perakam hanya baru didapati di akhir abad ke 19.

Ilmu tilawah al-Quran secara bertarannum di abad ke 20 menyaksikan beberapa nama besar yang terkenal seterusnya menjadi ikutan seperti Sheikh Muḥ ammad Rif' at, Sheikh ' Alī Maḥ mūd, Sheikh Maḥ mūd Khalīl al-Ḥuṣ arī, Sheikh Maḥ mūd ' Alī al-Bannā, Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl, Sheikh Maḥ mūd Siddīq al-Manshawī, Sheikh ' Abd al-Bāsīt ' Abd al-Ṣ amad dan ramai lagi. Kesemuanya mempunyai keistimewaan masing-masing dan identiti yang tersendiri dalam pembacaan al-Quran secara bertarannum dan setiap satunya juga mempunyai kaedah atau *uslūb* yang berbeza-beza.

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl adalah salah seorang tokoh yang sangat terkenal dalam dunia tilawah al-Quran secara bertarannum. Beliau bukan sahaja dikenali di Timur Tengah bahkan terkenal di seluruh pelusuk dunia Islam. Penguasaan beliau dalam *uslūb al-tilāwah* dianggap oleh setengah pihak sebagai paling sempurna berbanding tokoh-tokoh yang lain selanjutnya memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan ilmu tersebut.

Bertolak dari kenyataan di atas, artikel ini akan mendedahkan biodata, ketokohan dan sumbangan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl dalam ilmu tilawah al-Quran secara bertarannum seterusnya mengupas kaedah atau *uslūb al-tilāwah* beliau yang istimewa sehingga memahat nama beliau sebagai tokoh yang terulung dalam bidang ini.

BIODATA SHEIKH MUŞ Ŧ AFĀ ISMĀ' ĪL (1905M-1978M)

Nama dan keluarga

Nama penuh beliau ialah Muş Ŧ afā Muḥ ammad al-Mursī Ibrāhīm Ismā' īl. Beliau dilahirkan pada 17 Jun 1905 pada waktu pagi di sebuah desa yang dikenali sebagai Mayyit Ghazal, Markaz al-Sanṭ ah, Muḥ afaḥ ah Gharbiyyah, Ŧ anṭ ā kira-kira 100 kilometer dari Bandar Kaherah, Mesir. Beliau meninggal dunia pada 23 Disember 1978 sekembali beliau dari majlis perasmian pembukaan Masjid Jāmi' al-Baḥ r, Dumyāṭ yang berlangsung pada hari sebelumnya iaitu 22 disember 1978 setelah mengalami sejenis penyakit pendarahan beku dalam kepala dan beliau disahkan koma selama satu hari.³

Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl dikurniakan tiga orang anak lelaki iaitu anak sulung ' Āṭ if yang menetap di Jerman semenjak 1953 dan bekerja sebagai ahli perniagaan, Maḥ mūd Samīr yang berkerja sebagai pegawai di syarikat penerbangan Miş r li Ŧ ayrān dan Aḥ mad Waḥ īd yang menjawat jawatan pengerusi Bahagian Perkhidmatan dan Kawalan di Stesyen Televisyen Mesir. Dua anak perempuan beliau pula ialah Anja Samiyah dan Majidah.⁴

Bapanya ialah Muḥ ammad al-Mursī Ismā' īl merupakan seorang petani, dan ibunya bernama Sittah Ḥusnayn Ismā' īl, manakala datuk sebelah bapanya ialah al-Mursī Ibrāhīm Ismā' īl, dan datuk sebelah ibunya dipanggil al-Sayyid Ismā' īl. Neneknya diberi nama Asmah al-Sayyid Ismā' īl.⁵

Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl merupakan anak sulung daripada lapan orang adik-beradik. Tiga daripada mereka adalah lelaki iaitu beliau, ' Abd al-Salām dan ' Abd al-' Azīz manakala selebihnya adalah perempuan iaitu Zakiyyah, Āminah, Fāṭ imah, Ailah dan Sāriyah.⁶

Pengajian Tilawah al-Quran dan Guru-Guru Pembimbing

Pada usia kanak-kanak sekitar umur 6 tahun, bapanya telah menghantar Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl ke sebuah *kuttāb* yang terletak di kampungnya yang dipimpin oleh Sheikh ' Abd al-Raḥ mān Abū al-' Aynayn. Di *kuttāb* tersebut, beliau hanya sempat belajar selama 2 tahun serta mempelajari cara kaedah membaca, menulis dan menghafal ¼ juzuk al-Quran. Kemudian beliau menyambung pengajian di Kuttāb Sheikh ' Abd Allāh Shaḥ atah yang terletak berhampiran dengan kediamannya. Di *kuttāb* tersebut, Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl telah berjaya menamatkan keseluruhan hafalan al-Quran, menulis tulisan al-Quran dengan tangan sendiri serta bacaan al-Quran secara bertajwid. Penulisan al-Quran beliau sangat menakutkan.⁷

Sebelum itu, ketika Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl berusia 5 tahun, bapanya pernah menghantar beliau belajar menghafaz al-Quran dengan Sheikh ' Abd al-Raḥ mān al-Najjār di sebuah *kuttāb*, namun beliau banyak bermain-main dan lari dari *kuttāb* tersebut.⁸

Melihat kepada bakat dan kemahiran yang ada pada Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl, maka bapanya telah menghantar beliau untuk bertalaqqī dan berguru dengan dua orang

³ Shukrī al-Qāḍ ī, ' Abāqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-' Ishrīn, (Kaherah: Dār al-Jumhuriyyah, 1997), 79.

⁴ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ŧ il al-Qur' ān*, (Kaherah: Dār al-Hilāl, 1412H/1992M), 53.

⁵ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ŧ il al-Qur' ān*, 53.

⁶ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ŧ il al-Qur' ān*, 53.

⁷ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muş Ŧ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ŧ il al-Qur' ān*, 59

⁸ Maḥ mūd al-Khawli, *Aş wāt min Nūr*, (Misr: Dār al-Shabāb, 1992), 87.

Sheikh yang sangat terkenal dan dihormati tidak berapa jauh dari kampung halaman beliau iaitu Sheikh Muḥammad Abū Ḥashish dan Sheikh Idrīs Fakhīr. Beliau telah berjaya menyempurnakan hafalan beliau bersama Sheikh Muḥammad Abū Ḥashish ketika usianya menjangkau 10 tahun dan menyemak serta mengemaskini bacaannya dengan Sheikh Idrīs Fakhīr.

Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl juga telah mempelajari ilmu Tajwid dan ilmu Qira'at bersama Sheikh Idrīs Fakhīr ketika berumur 16 tahun sebelum meneruskan pengajiannya di Ma'had Dīniyyah, Ṭanṭā. Beliau telah berjaya menamatkan ulangan hafalan bersama Sheikh Idrīs Fakhīr sebanyak 30 kali khatam.⁹ Pernah suatu hari diceritakan dalam diari beliau yang tertulis seperti berikut;

“Sheikh Idrīs Fakhīr adalah orang yang bertanggungjawab menjadi penyemak kepada bacaan aku di Kuttāb. Aku pernah mentasmik bacaanku dengan beliau sebanyak dua juzuk dua juzuk. Justeru, beliaulah orang yang memberi petunjuk kepada pentashihan bacaan. Tidak cukup hanya dengan itu saja, beliau selalu bersama-sama menemaniku ketika aku dalam perjalanan ke ladang, dan di ladang itu dia terus menerus mendengarkan bacaanku. Ketika bacaan aku terdapat kesalahan, dia menyuruh aku mengulangi dari awalnya semula, dia berkata kepadaku: Wahai budak...mulakan semula dari awal.”¹⁰

Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl juga sempat berguru dengan Sheikh Muṣṭafā al-Mirwāj. Beliau sering memberikan galakan dan sokongan kepada Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl supaya hadirkan diri kepada orang ramai dalam majlis-majlis ihtifal al-Quran dan program-program agama bagi mempersembahkan bacaan al-Quran.¹¹

Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl juga belajar secara tidak langsung dengan qari-qari seangkatan seperti Sheikh Abū al-'Aynayn semasa bersama-sama dalam majlis yang diundang oleh Raja Mesir, King Fu'ād.¹² Beliau juga sering bersama dengan qari-qari terkenal yang lain seperti Sheikh Ṭaha al-Fashnī, Sheikh 'Alī Siffī, Sheikh Muḥammad Rif'at, Sheikh 'Abd al-Bāshī, 'Abd al-Ṣamad, Sheikh Khalīl al-Ḥuṣārī dan lain-lain dalam majlis-majlis undangan yang lain.

Cabaran dan Pengiktirafan di Peringkat Antarabangsa

Sejarah penglibatan Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl dalam dunia tilawah al-Quran amat menarik untuk dikongsi. Sebelum mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa, terlebih dahulu beliau diuji dengan pelbagai situasi dan keadaan yang begitu mencabar sebagai seorang yang bergelar qari al-Quran dengan fitnah dan tohmahan yang sama sekali tidak mempunyai asas yang kukuh. Lebih mengecewakan apabila fitnah tersebut datang daripada kumpulan qari-qari sendiri. Antara fitnah dan tohmahan yang sangat dasyat yang dilemparkan terhadap Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl ialah beliau sengaja mempermainkan ayat-ayat suci al-Quran dalam bacaannya, menyalahi dengan kaedah tilawah *syar' iyyah*, mementingkan lagu dan irama dalam bacaan, melanggar kaedah hukum *waqf*

⁹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 67.

¹⁰ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 67.

¹¹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafā Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zil al-Qur'ān*, 67-68.

¹² Khairul Anuar Mohamad, *Sheikh Mustafa Ismail, Qari Diraja Mesir*, (Utusan Malaysia: Arkib, 1 Jun 2012).

dan *ibtidā'* dan sebagainya¹³. Tuduhan yang berat itu adalah berpunca daripada perasaan iri hati dan hasad dengki dengan kebolehan dan kemahiran yang dimiliki Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl dalam mempersembahkan bacaan al-Quran dihadapan para hadirin dengan baik dan sempurna tanpa sebarang kecacatan mahupun kesumbangan yang boleh merosakkan kaedah lagu serta teknik suara. Sifat buruk yang terzahir dalam kalangan mereka itu berterusan sehingga beliau menghembuskan nafas terakhir. Namun begitu, dalam suasana yang masih lagi difitnah, Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl tetap diundang dan dijemput bagi memperdengarkan bacaan al-Quran sama ada dalam negara mahupun luar Negara. Ia merupakan suatu bentuk penghargaan terindah yang hadir dari peminat-peminat beliau yang masih inginkan kebijaksanaan, kepintaran dan kemahirannya dalam mengalunkan kalimat-kalimat yang suci ini.

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl mendapat pelbagai pengiktirafan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara pengiktirafan itu adalah seperti anugerah pingat kebesaran ataupun menjadi tetamu kerajaan dengan mereka mengambil serta menghantarnya ke negara-negara yang diundang dengan menaiki pesawat khas kerajaan. Pada tahun 1965, Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah dianugerahkan dengan pingat kebesaran oleh Presiden Mesir, Jamal ' Abd al-Naṣ īr dalam satu upacara besar kerajaan pada hari Perhimpunan Hari Ilmu Pengetahuan di mana beliau qari yang pertama menerima anugerah tersebut.¹⁴

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah mengunjungi banyak negara untuk memenuhi undangan dan mempersembahkan bacaan beliau di hadapan pembesar-pembesar kerajaan serta khalayak ramai. Tiada tujuan yang lain daripada jaulah beliau ke serata dunia kecuali berkhidmat kepada kalam Allah SWT serta menyampaikan dakwah al-Quran kepada masyarakat dunia. Beliau pernah bermusafir ke Paris, Kuala Lumpur, Karachi, Negara-negara Asia, Negara-negara Arab dan juga Negara-negara Afrika. Beliau juga menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan sebagai penghormatan individu mahupun kerajaan terhadap dirinya.¹⁵

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl juga dianugerahkan dengan pingat-pingat kebesaran yang lain dari berbagai negara. Antaranya adalah anugerah Pingat Kebesaran Syria, Pingat Kebesaran Lubnan dan Pingat Kebesaran Turki dari Presiden Turki yang disempurnakan di Istana Republik dalam lawatannya pada tahun 1973 iaitu sebagai simbolik dalam upacara *muṣ haf sharīf* yang tertulis dengan dakwat emas.¹⁶

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah melakukan *riḥ lah al-Qur' ān* ke pelbagai negara semasa hidupnya seperti Perancis, Amerika, Jerman, Kanada dan Negara-negara Asia. Beliau juga pernah berkunjung ke Syria, Lubnan, Palestin, Pakistan, Turki, Malaysia, Indonesia dan lain-lain Negara bagi tujuan memperdengarkan ayat-ayat suci bacaan al-Quran.¹⁷

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah dilantik sebagai qari di Istana Diraja dan beliau telah bermukim di sana sebagai tetamu diraja semenjak dari bulan Ramadan, Julai 1947 sehingga tahun 1952.¹⁸

¹³ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-' Aṣ r al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, (Kaherah: Dār al-Akhbār al-Yawm, 2011), 162.

¹⁴ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fi al-' Aṣ r al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, (Kaherah: Dār al-Ma' ārif, 2011), 63.

¹⁵ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fi al-' Aṣ r al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 63.

¹⁶ Shukrī al-Qāḍ ī, ' *Abāqirah al-Tilāwah fi al-Qarn al-' Ishrīn*, 79.

¹⁷ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-' Aṣ r al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 166.

¹⁸ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-' Aṣ r al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 161.

SUMBANGAN DALAM PEMBANGUNAN DAN PENYEBARAN AL-QURAN

Sepanjang penglibatan beliau dalam *riḥ lah al-Qur' ān*, Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah banyak mencurahkan tenaga dan masa untuk pembangunan al-Quran di seluruh pelusuk dunia. Rutin hariannya adalah membaca al-Quran di masjid-masjid dan *munasabāt-munasabāt* hafiah al-Quran yang diadakan diseluruh wilayah dan daerah di Mesir. Pada tahun 1945, beliau dilantik secara rasmi sebagai qari di Masjid al-Azhar pada setiap hari Jumaat sebelum khatib membacakan khutbah, dan khidmat beliau tersebut telah menjangkau usia 30 tahun sehingga kepada kewafatannya. Ketika kemuncak kemasyhuran, Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl telah memeterai perjanjian dengan siaran televisyen Mesir sebagai qari pertama yang merakamkan bacaan al-Quran secara *murattal*¹⁹. Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl memeterai perjanjian dengan siaran Televisyen itu adalah pada tahun 1944 sementara ada catatan bahawa tahun permeteraian perjanjian dengan televisyen Mesir adalah pada tahun 1948.²⁰

Sumbangan besar Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl dalam dunia tilawah al-Quran terutama bidang tarannum ialah beliau meninggalkan khazanah *turāth* bacaan al-Quran yang sangat besar dan tidak ternilai iaitu *Muṣ ḥ af Mujawwad li al-Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl* 30 juzuk, *Muṣ ḥ af Murattal li al-Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl* 30 juzuk, rakaman audio studio (*al-Tasjīlāt al-Dakhiliyyah*) dan rakaman audio luar (*al-Tasjīlāt al-Khārijīyyah*) dengan pelbagai surah dan ayat dalam bentuk cakera padat ataupun kaset.²¹

Peninggalan khazanah tersebut menjadi rujukan dan panduan kepada penggiat dan pengamal bacaan al-Quran sama ada secara berlagu mahupun *tartīl* dalam segenap aspek disiplin ilmu yang berkaitan dengan kaedah lagu dan teknik suara.

USLŪB AL-QIRA'AH SHEIKH MUṢ Ṭ AFĀ ISMĀ' ĪL

Himpunan *turath* bacaan al-Quran yang sangat besar ini menjelaskan lagi tentang kehebatan seorang insan yang bernama Muṣ ṭ afā Ismā' īl yang digelar dengan pelbagai gelaran seperti '*Imām al-Qurrā*', '*Amīr al-Qurrā*', '*al-Qārī al-Malikī*', '*al-Qārī al-Awwal*'²² dan lain-lain lagi dalam kalangan qari-qari Mesir. Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl seorang yang sangat dihormati serta disegani kawan dan lawan semasa hidupnya sehingga beliau muncul antara qari yang terhebat di zamannya.

Kehebatan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl bukan sahaja terserlah kerana personaliti yang menarik yang ditunjukkan beliau malahan seorang yang alim lagi zuhud yang mementingkan keperibadian yang mulia dan susun atur pertuturan yang lemah lembut. Lebih dari itu, beliau sangat terkenal dengan perwatakan yang tegas dan seorang yang amanah lebih-lebih lagi hal yang berkaitan dengan masalah al-Quran. Perkara paling menonjol sekali yang dikaitkan dengan kemasyhuran Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl adalah dalam aspek seni bacaan al-Quran secara berlagu. Bacaannya telah memberi kesan yang sangat mendalam dalam kalangan pengamal dan penggiat seni suara al-Quran kerana kemahiran yang luar biasa yang dimilikinya terutama dalam aspek kaedah lagu dan teknik suara berkesan.

¹⁹ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fi al-' Aṣ r al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 61.

²⁰ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-' Aṣ r al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 161.

²¹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fi Z il al-Qur' ān*, 174-175.

²² Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 68.

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il tidak mengulang-ulang lagu yang sama dalam setiap jumlah ayat dan juga di penghujungnya, bahkan beliau sentiasa mencipta gubahan-gubahan lagu yang baru.²³ Bacaan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il menggambarkan kegembiraan dan dapat melapangkan dada para pendengar.²⁴ Suara Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il meliputi semua ṭ *abaqah* suara dan jenis-jenisnya.²⁵

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il mewaqafkan bacaan ditempat yang boleh diwaqafkan, dan bukannya memilih waqaf ditempat waqaf yang mengikut kehendak lagu-lagu dan seninya melebihi daripada apa yang dituntut oleh hukum hakam tilawah.²⁶

Kekuatan dan keindahan suara Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il adalah sempurna dalam semua peringkat *tabaqah* suara melainkan hanya pada *tabaqah* yang rendah sahaja yang tidak berada dalam kawasan yang kuat, akan tetapi beliau tidak begitu berhajat kepada suara demikian memandangkan beliau masih lagi memiliki lapangan dan saiz suara yang banyak, juga turut berkemampuan untuk mengaplikasikan lapangan-lapangan ini mengikut apa yang dikehendakinya.²⁷

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il memulakan bacaan dengan suara rendah. Kemudian secara berterusan beliau menguji suaranya dan mengangkat suara itu ke satu tahap, kemudian mengangkat ke satu tahap lagi seterusnya beralih lagi ketahap ketiga menurut kaedah tangga muzik bagi tujuan menuruni semula ke tahap *qarār* (rendah). Kemudian beliau mengangkat kembali suaranya kali kedua, daripada satu tahap kepada tahap kedua dan ketiga sehingga kepada tahap keempat, dan menuruni semula ke tahap *qarār* (rendah).²⁸

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il memindahkan bacaannya daripada *maqām-maqām* lagu *aṣ lī* dan *far' ī* dengan keberanian yang tinggi serta iltizam dengan *Uṣ ūl Ilm al-Qirā'ah* dan makna ayat.²⁹ Menurut Sheikh ' Alī al-Tabbā', suara Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il berkembang, bercabang-cabang, berqarar dan menjawab dan beliau sangat berkeyakinan dalam disiplin *Hukm al-Qira'at*.³⁰

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il berkemampuan dalam mengalunkan bacaannya mengikut kefahaman makna ayat. Beliau mampu menterjemahkan suara di antara ayat *al-Targhīb* dan *al-Tarhīb*. Beliau juga berkeupayaan memperlihatkan keluasan ilmu seni lagu al-Quran dan irama-irama dalam bacaan.³¹ Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il menggerakkan di antara *maqām-maqām* lagu dengan tertib dan tersusun rapi.³²

Sheikh ' Abd al-' Azīz Ḥarbī menukulkan bahawa Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il mengangkat suaranya ke tahap *jawāb al-jawāb* dengan begitu mudah dan berkemampuan dan dapat meleraikan segala kesulitan dan kerumitan yang ada pada lagu-lagu.³³

Para pendengar bacaan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il dapat merasai dengan kecantikan suara, gaya persembahan, perpindahan *maqām* lagu, tempat waqaf serta keindahan

²³ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 133.

²⁴ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 135.

²⁵ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 151.

²⁶ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 16.

²⁷ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 16.

²⁸ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 43.

²⁹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 44.

³⁰ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fī al-' Aṣ r al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 60.

³¹ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fī al-' Aṣ r al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, 57.

³² Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 45.

³³ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' il Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 71.

menta' bir makna ayat al-Quran.³⁴ Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl mempraktikkan *maqām-maqām* lagu Arab dengan penuh keyakinan dan kemukjizatan al-Quran.³⁵

Takkala Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl membacakan ayat 17 dari surah al-Hajj, firman Allah SWT:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّابِّينَ وَالنَّصَارَى وَالْمَجُوسَ وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا إِنَّ اللَّهَ
يَفْصِلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾

Beliau telah memperlihatkan keluasan antara ilmu tajwid al-Quran dan hubungannya dengan aspek permindahan *maqām* lagu beserta perubahan pada qiraat yang pelbagai. Beliau telah memperlihatkan keluasan antara ilmu tajwid al-Quran dan hubungannya dengan aspek permindahan *maqām* lagu beserta perubahan qiraat yang pelbagai.³⁶

Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl tidak terlalu sukar untuk beliau melakukan gubahan-gubahan pada lagu dan mempelbagaikannya dalam proses perpindahan-permindahan lagu serta pergerakan-pergerakan *maqām* lagu.³⁷ Bacaan beliau mempunyai bunga-bunga lagu yang kuat (bunga-bunga yang disusun dan dipupuk rapi), ketepatan (kedudukan tali suara dengan ṭ *abaqah* dan gerak setiap alunan) dan berupaya memindahkan *maqām-maqām* lagu dengan pelbagai teknik dan berseni.³⁸

Bacaan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl tidak terbiar begitu saja tanpa gubahan-gubahan (kepelbagaian bentuk alunan), manakala potongan-potongan lagu dan penghujungnya tidak berulang yang menjadikan para pendengar tidak dapat menyangka akan rahsia-rahsia yang terkandung dalam bacaanya³⁹.

Bacaan Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl mengandungi perkara-perkara berikut:⁴⁰

- 1) Suara yang baik (*Ṣ awt al-Jamīl*)
- 2) Gaya persembahan yang menarik (*Husn al-Adā'*)
- 3) Perpindahan *maqām-maqām* lagu (*al-Intiqālāt al-Maqamiyyah*)
- 4) Perhentian bacaan yang tepat (*al-Waqafāt*)
- 5) Keindahan mengta' bir ayat-ayat al-Quran (*Husn al-Ta' bīr Ma' ānī al-Āyah*)

KESIMPULAN

Hasil daripada perbincangan, dapat disimpulkan bahawa Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl merupakan seorang tokoh qari yang agung dan berpengaruh dalam dunia tilawah al-Quran. Penglibatan beliau bermula seusia 15 tahun sehingga tahun 1978 mencapai satu tahap kematangan khususnya dalam bidang tarannum. Beliau telah memberikan sumbangan yang besar dalam ilmu tersebut khususnya dalam kaedah-kaedah lagu dan teknik-teknik suara. Alunan dan gubahan beliau yang merdu dan mengasyikkan berjaya mendekatkan manusia kepada al-Quran sehingga bacaannya ditaklid oleh kebanyakan qari-qari al-Quran seluruh dunia. Peninggalan *turāth* bacaan beliau sebanyak 52 624 jam

³⁴ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 109.

³⁵ Aḥ mad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' a al-Qur' an fī al-' Aṣ r al-Ḥadīth*, *Silsilah Thaḳāfah Shahriyyah Iqra'*, 59.

³⁶ Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-' Aṣ r al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, 169.

³⁷ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 123.

³⁸ Wan Hilmi Wan Abdullah, Fannu Tilawah al-Quran, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010), 82.

³⁹ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 123.

⁴⁰ Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣ ṭ afā Ismā' īl Ḥayātuhū fī Ṭ il al-Qur' ān*, 109.

yang didapati direkodkan pada hari ini merupakan satu nilai yang amat berharga dalam proses penyebaran dan pengembangan ilmu tarannum itu sendiri. Ia telah dijadikan sebagai panduan dan rujukan bagi penggiat dan pengamal bacaan tarannum di seluruh dunia terutama apabila menyentuh tentang kaedah *Uslūb al-Qirā'ah* beliau.

RUJUKAN

- Aḥmad al-Bulk, *Ashhar Man Qara' al-Qur'ān fī al-'Aṣr al-Ḥadīth, Silsilah Thaqāfah Shahriyyah Iqra'*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 2011).
- 'Amr Muṣṭafa Nājī, *Uslūb Adā' al-Ibtihālāt fī Miṣr wa Imkāniyyah al-Istidā' minha fī Adā' al-Ghinā' al-'Arabī*, (Kaherah: al-Ma'had al-'Ālī li al-Musīqī al-'Arabīyyah, 2005).
- Fārūq Fahmī, *al-Qāhirah: Sufarā' al-Qurrā'*, (Mesir: Syarikat al-I'lanat al-Sharqiyyah, 1994).
- Kamāl al-Najmī, *Sheikh Muṣṭafa Ismā'īl Ḥayātuhū fī Zīl al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-Hilāl, 1412H/1992M).
- Khairul Anuar Mohamad, *Sheikh Mustafa Ismail, Qari Diraja Mesir*, (Utusan Malaysia: Arkib, 1 Jun 2012).
- Maḥmūd al-Khawālī, *Aṣwāt min Nūr*, (Misr: Dar al-Syabab, 1992).
- Nabīl Ḥanafī, *Nujūm al-'Aṣr al-Dhahabī li Dawlah al-Tilāwah*, (Kaherah: Dār al-Akḥbār al-Yawm, 2011).
- Shukrī al-Qāḍī, *'Abāqirah al-Tilāwah fī al-Qarn al-'Ishrīn*, (Kaherah: Dār al-Jumhūriyyah, 1997).
- Wan Hilmi Wan Abdullah, *Fannu Tilawah al-Quran*, (Universiti Kebangsaan Malaysia: Fakulti Pengajian Islam, Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, 2010).
- Wan Hilmi Wan Abdullah, *Pengaruh Tarannum Qari-qari Mesir Terhadap Qari-qari di Malaysia*, (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, 2014).
- <http://www.pcbukm.blogspot.com>